

26/10/1998

PM belum terima permintaan Estrada

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau belum menerima permintaan secara rasmi daripada Presiden Filipina, Joseph Estrada, untuk mengadakan perbincangan dua hala dengannya ketika sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di Kuala Lumpur bulan depan.

Berikutan itu, beliau enggan membuat ulasan mengenai hasrat Estrada itu yang dinyatakan Duta Filipina ke negara ini, Jose S Brilloutes, di ibu negara semalam.

"Saya tidak dapat apa-apa secara rasmi, jadi saya tidak boleh buat komen," katanya di sini hari ini.

Dr Mahathir juga enggan mengulas sama ada beliau berhasrat mengadakan perbincangan dua hala dengan Estrada ketika sidang itu.

Mengenai kenyataan Filipina tidak akan mengulas mengenai keadaan yang berlaku di Malaysia, Dr Mahathir hanya berkata: "Alhamdulillah syukur kita kepada Allah Subhanawataala."

(END)